 - (i) **Pengendorsan** bermaksud bukti bertulis mengenai sebarang pindaan, perubahan atau penukaran yang dibuat ke atas kontrak induk dan sijil takaful.
 - (j) **Mudharabah** bermaksud pengaturan perkongsian keuntungan dengan pemilik sijil untuk menyediakan modal yang kami uruskan dan sebarang keuntungan yang dijana akan dikongsi mengikut nisbah perkongsian keuntungan yang dipersetujui antara pemilik sijil dengan kami. Kerugian akan ditanggung oleh pemilik sijil dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku atau kecuaiannya kami.
 - (k) **Penama** bermaksud satu atau lebih orang yang dipilih oleh pemilik sijil di bawah klausa 14 dan dinamakan di dalam borang penamaan atau sebarang pengendorsan sebagai penama pada masa hadapan.
 - (l) **Dana pengendali** bermaksud dana yang kami uruskan yang mana yuran wakalah bagi kontrak induk akan digunakan untuk membayar semua perbelanjaan pengurusan, komisen, dan kos pemasaran yang berkenaan kontrak induk ini.
 - (m) **Akaun peserta** bermaksud dana pegangan bagi sumbangan, tolak yuran wakalah di bawah pelan ini, diuruskan sejajar dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dipaparkan di sini.

- (n) **Dana tabarru' peserta** bermaksud dana pegangan yang mana potongan tabarru' akan dikreditkan ke dalam, sejajar dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dipaparkan di sini.
- (o) **Kepentingan takaful yang dibenarkan** bermaksud kepentingan ekonomi atau kewangan pemegang kontrak induk dalam perlindungan pelanggan yang berhutang kepada pemegang kontrak induk dengan memperoleh skim pembiayaan pemegang kontrak induk.
- (p) **Orang yang dilindungi** bermaksud individu yang kami sediakan perlindungan takaful seperti yang dinamakan di dalam sijil takaful.
- (q) **Keadaan sedia ada** bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala yang telah wujud semasa tempoh 12 bulan sebelum tarikh permulaan sijil. Pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi boleh dianggap mempunyai pengetahuan munasabah mengenai penyakit sedia ada jika keadaan tersebut, di mana:
 - (i) rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun didapatkan atau diterima;
 - (ii) seseorang yang biasa dan waras yang mengalami kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala seharusnya telah mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
 - (iii) kewujudannya telah diketahui oleh pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi, sama ada telah atau tidak, rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis didapatkan atau diterima.
- (r) **Qard** bermaksud pinjaman tanpa faedah yang kami sediakan sekiranya berlaku defisit dalam dana tabarru' peserta.
- (s) **Jumlah yang dilindungi** bermaksud manfaat yang perlu dibayar untuk kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) yang dialami oleh orang yang dilindungi. Kami akan menentukan jumlah tersebut berdasarkan formula yang dinyatakan dalam lampiran BSIR007.
- (t) **Syariah** bermaksud undang-undang Islam. Dalam konteks kontrak induk ini, Syariah merujuk kepada undang-undang Islam sebagaimana yang ditafsirkan oleh jawatankuasa Syariah.
- (u) **Jawatankuasa Syariah** bermaksud jawatankuasa yang kami bentuk untuk memberi nasihat ke atas operasi perniagaan takaful kami untuk memastikan ia mematuhi Syariah.
- (v) **Jumlah berisiko untuk manfaat kematian** adalah perbezaan di antara jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian dan nilai akaun peserta. Jika nilai akaun peserta adalah lebih tinggi berbanding dengan jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian, jumlah berisiko untuk manfaat kematian akan menjadi sifar.
- (w) **Jumlah berisiko untuk manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** adalah jumlah yang dilindungi untuk manfaat TPD atau jumlah berisiko untuk manfaat kematian, yang mana lebih rendah.
- (x) **Tabarru'** bermaksud amaun yang akan ditolak daripada sumbangan untuk perlindungan takaful.
- (y) **Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)** bermaksud seperti yang dinyatakan berikut:

Jika orang yang dilindungi bekerja di antara umur 18 dan 65 tahun, bekerja untuk mendapat gaji atau mengendalikan perniagaan sendiri, mereka akan dianggap sebagai hilang upaya menyeluruh dan kekal jika mereka secara menyeluruh dan kekal tidak mampu melakukan

sebarang tugas, pekerjaan atau profesion untuk mendapatkan sebarang gaji, pampasan atau keuntungan. Hilang upaya mesti berlanjutan sekurang-kurangnya selama 6 bulan berturut-turut dari tarikh diagnosis.

Jika pada masa mengalami hilang upaya, orang yang dilindungi berumur antara 18 dan 65 tahun tidak bekerja untuk mendapat gaji atau tidak mengendalikan perniagaan sendiri atau merupakan seorang suri rumah atau jika orang yang dilindungi berumur antara 66 dan 70, kami menganggap TPD sebagai ketidakupayaan untuk menjalankan sekurang-kurangnya 3 daripada 6 aktiviti kehidupan harian (seperti yang dinyatakan di bawah) tanpa bantuan orang lain. Hilang upaya mesti berlanjutan sekurang-kurangnya selama 6 bulan berturut-turut dari tarikh diagnosis.

- (i) Pemindahan – Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal;
- (ii) Pergerakan – Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal;
- (iii) Perihal mengawal – Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri;
- (iv) Pemakaian – Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain;
- (v) Mandi/Membersihkan diri – Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki atau keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain; atau
- (vi) Makan – Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

TPD untuk klausa ini juga merangkumi yang berikut:

- (i) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada kedua-dua belah mata;
- (ii) Kehilangan 2 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang disebabkan oleh pemutusan;
- (iii) Kehilangan penglihatan menyeluruh dan kekal pada 1 belah mata dan kehilangan 1 anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali yang disebabkan oleh pemutusan; atau
- (iv) Lumpuh secara menyeluruh dan kekal.

2 daripada pemeriksa perubatan yang dilantik oleh kami mestilah berpuas hati bahawa hilang upaya orang yang dilindungi telah memenuhi takrifan TPD.

- (z) **Wakalah** bermaksud kontrak di mana pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan.
- (aa) **Kami** bermaksud Sun Life Malaysia Takaful Berhad.
- (bb) **Anda** bermaksud pemegang kontrak induk seperti yang tertera dalam jadual kontrak induk.

2. Interpretasi

- 2.1 Di dalam kontrak induk ini, kecuali konteks memerlukan sebaliknya:
- (a) tajuk di dalam kontrak induk ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak memberi kesan ke atas pembentukannya;
 - (b) perkataan tunggal hendaklah merangkumi perkataan majmuk dan sebaliknya; dan
 - (c) perkataan yang merujuk kepada jantina hendaklah merangkumi semua jantina.
- 2.2 Jika terdapat mana-mana peruntukan di dalam kontrak induk ini tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang Malaysia, ia tidak akan menjejaskan kesahan, kesahihan dan kebolehkkuatkuasaan peruntukan lain.

3. Kontrak induk

- 3.1 Kontrak induk ini dikeluarkan setelah mempertimbangkan pembayaran sumbangan seperti yang tertera di dalam sijil takaful dan adalah bergantung kepada:
- (a) jawapan yang diberikan oleh pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi dalam borang cadangan untuk sijil takaful ini dan sebarang soal selidik berikutnya yang kami berikan atas apa-apa perkara berkaitan dengan borang cadangan untuk kontrak induk ini;
 - (b) sebarang pendedahan yang dibuat dan/atau maklumat yang diberikan oleh pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi yang mana mereka hendaklah, dengan usaha terbaiknya, mendedahkan semua maklumat yang penting kepada kami untuk mengurus risiko, dari masa penyerahan borang cadangan untuk sijil takaful ini sehingga tarikh pengeluaran sijil takaful;
 - (c) sebarang maklumat yang terkandung dalam laporan perubatan dan apa-apa laporan dan soal selidik yang lain yang diserahkan kepada kami berkaitan dengan sijil takaful ini;

(yang kemudiannya secara kolektif dirujuk sebagai "**Maklumat Penting**")

dan Maklumat Penting tersebut akan menjadi sebahagian yang tidak terpisahkan daripada kontrak induk ini antara kami dan anda, pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi dan bersama dengan terma dan syarat kontrak induk ini akan membentuk keseluruhan kontrak antara anda, pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi dan kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa salah nyataan prakontrak yang berkaitan dengan Maklumat Penting tersebut, hanya remedi di bawah Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan dikenakan.

- 3.2 Jika kami memerlukan pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi, sebelum sijil takaful berubah, untuk menjawab sebarang soalan atau jika dia dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda apa-apa perkara berkaitan sijil takaful yang sebelum ini dia dedahkan kepada kami, ia adalah tanggungjawab pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi untuk mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang didedahkan sebelum ini.
- 3.3 Pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi mesti memaklumkan kami sebarang perubahan berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan kepada kami dalam jawapan atau sebarang perkara yang sebelum ini didedahkan kepada kami berhubung dengan sijil takaful ini jika perubahan tersebut telah berlaku selepas pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi mengemukakan cadangan bagi perubahan tetapi sebelum sijil takaful diubah.

4. Bukti kepentingan takaful

- 4.1 Kami memerlukan bukti kepentingan takaful yang memuaskan di antara pelanggan dan pemegang kontrak induk yang telah memberikan kemudahan pembiayaan sebelum pelanggan diterima untuk perlindungan takaful.
- 4.2 Jika pemegang kontrak induk tidak lagi mempunyai sebarang kepentingan terhadap pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi, semua hak-hak dan keistimewaan perlindungan takaful akan dipindahkan kepada pemilik sijil secara automatik.

5. Tempoh perlindungan

- 5.1 Perlindungan takaful bagi setiap orang yang dilindungi akan bermula pada tarikh permulaan sijil seperti yang tertera dalam sijil takaful.

6. Perubahan kepada kontrak induk

- 6.1 Kami berhak meminda terma-terma dan peruntukan-peruntukan kontrak induk ini untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan Malaysia. Kami akan memberi notis bertulis terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami atau kaedah komunikasi alternatif yang lain.
- 6.2 Permintaan pemilik sijil untuk apa-apa perubahan atau pengendorsan kepada kontrak induk ini tidak akan sah kecuali jika kami benarkan dan kelulusan tersebut hendaklah diendorskan di bawah sijil takaful.
- 6.3 Klausula 7 akan terpakai jika pemilik sijil menyerahkan sijil takaful dalam tempoh semakan percuma.

7. Pembatalan sijil dalam tempoh semakan percuma

- 7.1 Sekiranya pemilik sijil membuat keputusan supaya tidak mengambil perlindungan takaful atas apa jua sebab selepas ia telah dikeluarkan, pemilik sijil boleh membatalkan sijil takaful dengan memberikan notis bertulis kepada pemegang kontrak induk dalam tempoh 15 hari kalendar dari tarikh penghantaran sijil takaful.
- 7.2 Kami akan membayar balik sumbangan yang dibayar, tolak sebarang perbelanjaan yang kami tanggung untuk sebarang perunderaitan perubahan yang diperlukan untuk pengeluaran sijil takaful.

8. Salah nyata umur dan/atau jantina

- 8.1 Sijil takaful dikeluarkan mengikut umur dan jantina orang yang dilindungi seperti yang tertera di dalam sijil takaful, berdasarkan tarikh lahir dan/atau jantina yang diakui dalam borang cadangan. Kami memerlukan bukti umur orang yang dilindungi sebelum kami membayar sebarang manfaat.
- 8.2 Jika umur dan/atau jantina orang yang dilindungi telah dinyatakan dengan tidak tepat, kami akan membuat salah satu pelarasan berikut:

- (a) Jika sumbangan berdasarkan umur dan/atau jantina sebenar orang yang dilindungi adalah lebih tinggi daripada sumbangan yang telah dibayar, maka kami boleh mengira semula manfaat yang perlu dibayar secara prorata berdasarkan nisbah antara sumbangan sebenar yang telah dibayar dan sumbangan yang sepatutnya dibayar mengikut tarikh lahir dan/atau jantina yang betul. Tarikh tamat yang dinyatakan dalam sijil takaful akan diselaraskan berdasarkan umur yang betul (jika berkenaan); atau
 - (b) Jika sumbangan berdasarkan umur dan/atau jantina sebenar orang yang dilindungi adalah lebih rendah daripada sumbangan yang telah dibayar, maka kami akan memulangkan perbezaan tersebut. Tarikh tamat yang dinyatakan dalam sijil takaful akan diselaraskan berdasarkan umur yang betul (jika berkenaan).
- 8.3 Oleh itu, kami akan mengira nilai akaun peserta dari tarikh permulaan sijil, berdasarkan sebarang perubahan sumbangan, yuran wakalah dan potongan tabarru' berdasarkan jumlah berisiko untuk manfaat kematian dan jumlah berisiko untuk manfaat TPD yang telah diselaraskan. Kami akan mengenakan atau mengkreditkan perbezaan di antara potongan tabarru' baru dengan potongan tabarru' yang telah dibuat sebelumnya ke dana tabarru' peserta mengikut mana-mana yang berkenaan. Kami juga akan menyelaraskan dana kami sejajar dengan sebarang perubahan pada yuran wakalah.

9. Klausula perihal tidak boleh dipertikaikan

- 9.1 Sekiranya kami menemui pernyataan palsu dalam tempoh 2 tahun dari tarikh permulaan sijil, sijil takaful tersebut mungkin akan diteruskan dengan terma yang berbeza atau dibatalkan dan semua tuntutan ditolak mengikut Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
- 9.2 Kami tidak boleh mempertikaikan sijil takaful sekiranya ia telah berkuatkuasa lebih daripada 2 tahun dari tarikh permulaan sijil, melainkan kami dapat menunjukkan bahawa maklumat penting telah disembunyikan, dipadamkan atau diberikan secara penipuan oleh pemilik sijil dan/atau orang yang dilindungi. Dalam keadaan sedemikian, remedi di bawah Jadual 9 dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan dilaksanakan.

10. Kemampuan untuk melakukan perjalanan dan sebarang sekatan ke atas lokasi tempat kediaman orang yang dilindungi

- 10.1 Kontrak induk ini tidak menyekat orang yang dilindungi daripada melakukan sebarang perjalanan dan tidak terjejas oleh lokasi tempat tinggalnya.

11. Kelayakan

- 11.1 Orang yang layak untuk perlindungan takaful ini adalah pemohon pembiayaan bagi pemegang kontrak induk seperti yang tertera di dalam jadual kontrak induk.
- 11.2 Ahli-ahli yang layak bagi pemegang kontrak induk perlu melengkapkan borang permohonan yang akan dikemukakan kepada kami. Kami boleh menerima atau menolak sebarang permohonan tertakluk kepada syarat-syarat pengunderaitan.

12. Hak milik

- 12.1 Anda adalah pemilik sah kontrak induk ini.

- 12.2 Anda boleh menggunakan semua hak dan pilihan yang disediakan oleh kontrak induk ini (bergantung kepada hak sebarang penama).

13. Penyerahan hak (pemindahan hak undang-undang)

- 13.1 Dari sisi undang-undang, kami tidak akan menerima pemindahan kontrak induk ini kecuali pemindahan itu berdaftar dengan kami.
- 13.2 Kami tidak mempunyai sebarang tanggungjawab mengenai kesahihan pemindahan jika anda membuat keputusan untuk memindah kontrak induk.

14. Penama

- 14.1 Pemilik sijil yang telah mencapai umur 16 tahun, boleh menamakan dalam borang penamaan, seseorang penama (penama-penama) untuk menerima wang yang patut dibayar, tertakluk kepada klausa 23 ("Membayar manfaat") dalam lampiran ini, apabila pemilik sijil meninggal dunia di bawah sijil takaful. Penamaan boleh dibuat semasa pendaftaran sijil takaful atau pada bila-bila masa selepas sijil takaful telah dikeluarkan. Borang penamaan boleh dimuat turun dari laman web kami.
- 14.2 Penama yang dinamakan di dalam borang penamaan atau mana-mana pindaan yang pemilik sijil buat pada masa hadapan, akan menerima wang yang patut dibayar, tertakluk kepada klausa 23 ("Membayar manfaat") lampiran ini, apabila pemilik sijil meninggal dunia di bawah sijil takaful mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Pemilik sijil boleh membatalkan atau menukar penama pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Notis bertulis mestilah kami terima dan daftarkan semasa hayat pemilik sijil. Pembatalan dan pertukaran penama akan berkuatkuasa dari tarikh kami menerima notis bertulis itu.

15. Sumbangan

- 15.1 Sumbangan tunggal akan dibayar untuk perlindungan takaful bagi orang yang dilindungi.
- 15.2 Kadar sumbangan yang dinyatakan adalah tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula kadar sumbangan. Kami akan memberi notis bertulis kepada anda sekurang-kurangnya 90 hari sebelum ulang tahun kontrak untuk penyemakan semula sumbangan. Penyemakan semula sumbangan akan berkuatkuasa bagi sijil baru yang dikeluarkan selepas tamat tempoh notis.

16. Akaun peserta

- 16.1 Kami akan memasukkan sumbangan, tolak yuran wakalah, untuk setiap orang yang dilindungi ke dalam akaun peserta.
- 16.2 Kami akan meletakkan potongan tabarru' bulanan untuk setiap orang yang dilindungi dari akaun peserta ke dalam dana tabarru' peserta.
- 16.3 Kami akan menguruskan aset akaun peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan prinsip Mudharabah.
- 16.4 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dan pelaburan aset akaun peserta serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan daripada akaun peserta.
- 16.5 Semua sumbangan yang diperuntukkan ke dalam akaun peserta adalah tidak dijamin oleh kami. Kami akan berkongsi keuntungan pelaburan akaun peserta yang akan diagihkan setiap tahun, selepas setiap akhir tahun kewangan seperti yang dinyatakan dalam lampiran BSIR006 kontrak

ini. Keuntungan pelaburan adalah berdasarkan prestasi sebenar akaun peserta dan tidak dijamin oleh kami.

- 16.6 Sebarang kerugian pelaburan dalam akaun peserta akan ditanggung oleh pemilik sijil dengan syarat kerugian tersebut bukan disebabkan oleh salah laku, kecuaiian atau pelanggaran syarat yang tertentu. Kerugian pelaburan akan didebitkan daripada akaun peserta pemilik sijil.

17. Dana tabarru' peserta

- 17.1 Amaun tabarru' akan diperuntukkan ke dalam dana tabarru' peserta, yang merupakan dana pegangan di mana kami membayar semua manfaat takaful seperti yang dinyatakan di bawah kontrak induk ini. Dana tabarru' peserta dimiliki secara kolektif oleh kumpulan peserta takaful.
- 17.2 Perlindungan takaful akan dikuatkuasakan apabila terdapat peruntukan tabarru' ke dalam dana tabarru' peserta.
- 17.3 Kami akan menguruskan aset dana tabarru' peserta dan menentukan bagaimana ia dilabur dan diurus sejajar dengan prinsip Syariah.
- 17.4 Kami akan membayar semua kos, perbelanjaan dan caj untuk pengurusan dan pelaburan aset dana tabarru' peserta serta lain-lain perbelanjaan yang berkaitan daripada dana tabarru' peserta.
- 17.5 Sebarang keuntungan pelaburan daripada dana tabarru' peserta akan menjadi sebahagian daripada pengiraan dan pengagihan perkongsian lebihan. Kami akan berkongsi sebarang pengagihan lebihan seperti yang dinyatakan dalam Lampiran BSIR006 kontrak induk ini.
- 17.6 Jika dana tabarru' peserta tidak mencukupi untuk membayar manfaat takaful, dan kami mengaturkan Qard (pinjaman tanpa faedah) daripada dana kami ke dana tabarru' peserta, Qard ini akan dibayar balik apabila dana tabarru' peserta kembali kepada paras lebihan.

18. Yuran wakalah

- 18.1 Kami akan menolak yuran wakalah daripada sumbangan yang sepatutnya dibayar. Ia adalah peratusan (%) daripada sumbangan seperti yang dinyatakan di dalam Lampiran BSIR006 kontrak induk ini.
- 18.2 Kami berhak untuk menyemak semula peratusan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.
- 18.3 Jika terdapat sebarang keadaan yang dianggap sebagai salah urus dan kecuaiian oleh kami, kami akan mengambil tindakan sewajarnya melalui pembedaan terhadap prosedur dan jika perlu, membayar balik sebarang amaun yang terhutang kepada para peserta.
- 18.4 Sekiranya berlaku pembubaran kontrak disebabkan pembatalan dalam tempoh semakan percuma, penyerahan kontrak atau penamatan kontrak, pemulangan semula keseluruhan atau sebahagian yuran wakalah, jika ada, akan menjadi sebahagian daripada amaun yang perlu dibayar.

19. Penyerahan sijil takaful

- 19.1 Selepas penamatan kemudahan pembiayaan sewaktu sijil takaful masih berkuatkuasa, pemilik sijil boleh meneruskan perlindungan takaful sehingga akhir tempoh sijil seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful. Walau apapun yang berlainan, pemilik sijil boleh memilih untuk menyerahkan sijil

takaful untuk nilai tunai, jika ada, dengan memberi notis bertulis kepada pemegang kontrak induk, tertakluk kepada persetujuan pemegang kontrak induk.

- 19.2 Sekiranya terdapat tunggakan hutang daripada pemilik sijil kepada pemegang kontrak induk semasa sijil takaful masih berkuatkuasa, pemegang kontrak induk berhak untuk menyerahkan sijil takaful tersebut untuk nilai tunai, jika ada, sebelum akhir tempoh sijil seperti yang dinyatakan di dalam sijil takaful, dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pemegang kontrak induk juga hendaklah memberikan notis bertulis kepada pemilik sijil sebelum melaksanakan penyerahan tersebut. Kami akan membayar nilai tunai tersebut terus kepada pemegang kontrak induk. Sebarang baki nilai tunai, selepas ditolak jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada pemegang kontrak induk, akan dibayar kepada pemilik sijil oleh pemegang kontrak induk.
- 19.3 Setelah sijil takaful diserahkan, kami tidak akan lagi mempunyai tanggungjawab ke atas orang yang dilindungi di bawah sijil takaful dan sijil takaful akan ditamatkan. Nilai serahan, jika ada, mungkin kurang daripada sumbangan yang telah pemilik sijil bayar.

20. Nilai serahan

- 20.1 Sijil takaful akan memperoleh nilai serahan dan ia akan dibayar kepada pemilik sijil. Nilai serahan bersamaan dengan nilai akaun peserta asas (jika ada) pada tarikh penyerahan ditolak sebarang caj yang mungkin kami tetapkan untuk penyerahan sijil takaful serta sebarang jumlah yang pemilik sijil berhutang kepada kami apabila sijil takaful diserahkan.

21. Penamatan

- 21.1 Anda atau kami boleh menamatkan kontrak induk ini dengan memberi 90 hari notis bertulis. Walau bagaimanapun, perlindungan untuk setiap orang yang dilindungi akan berterusan sehingga akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful pemilik sijil masing-masing.
- 21.2 Sijil takaful akan tamat dalam mana-mana keadaan berikut yang terawal:
- (a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian;
 - (b) Apabila orang yang dilindungi mengalami TPD, jika manfaat TPD adalah sama dengan jumlah yang dilindungi bagi manfaat kematian;
 - (c) Pada akhir tempoh sijil seperti yang tertera di dalam sijil takaful;
 - (d) Apabila sijil takaful diserahkan;
 - (e) Apabila sijil takaful dibatalkan; atau
 - (f) Apabila kemudahan pembiayaan ditamatkan atau apabila pemilik sijil berhenti menjadi pelanggan kepada pemegang kontrak induk sebelum tamat tempoh sijil atas sebarang sebab.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya keadaan (f) berlaku, hanya pemilik sijil mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan takaful sehingga akhir tempoh sijil yang dinyatakan dalam sijil takaful dengan notis bertulis kepada kami.

22. Undang-undang

- 22.1 Kontrak induk ini dan tanggungjawab kami di bawah kontrak induk ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di Malaysia.

Undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.

- 22.2 Sekiranya terdapat perbezaan antara peruntukan-peruntukan kontrak induk ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan, undang-undang, syarat-syarat atau prinsip-prinsip Syariah tersebut akan dikuatkuasakan.
- 22.3 Kontrak induk ini akan tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan oleh mahkamah Malaysia.

23. Membayar manfaat

- 23.1 Selepas menerima dan meluluskan bukti tuntutan orang yang dilindungi, kami akan membayar anda amaun kemudahan pembiayaan tertunggak sebenar yang ditanggung oleh pemilik sijil atau jumlah yang dilindungi, yang mana lebih rendah.
- 23.2 Sijil takaful akan ditamatkan semasa pembayaran di atas.
- 23.3 Jika amaun pembiayaan tertunggak sebenar adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi, baki apa-apa manfaat yang patut dibayar akan dibayar kepada pemilik sijil, jika masih hidup; atau sebaliknya kepada penama yang dinamakan oleh pemilik sijil.
- 23.4 Sekiranya tiada penama, manfaat-manfaat yang belum dibayar akan dibayar kepada pihak yang menuntut yang disahkan.

24. Hak dan kegunaan amaun yang terhutang

- 24.1 Kami mempunyai keutamaan atas sebarang amaun terhutang di bawah sijil takaful.
- 24.2 Kami boleh mengimbangi sebarang amaun yang kami terhutang kepada pemilik sijil di bawah sijil takaful (sebagai contoh: manfaat-manfaat) dengan sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami di bawah sijil takaful (sebagai contoh: sumbangan).
- 24.3 Semasa pengagihan lebihan (jika ada), keuntungan pelaburan (jika ada) dan/atau kematangan sijil takaful (jika ada), sebarang amaun yang sepatutnya dibayar yang bersamaan dengan atau kurang daripada RM10 bagi setiap pemilik sijil pada setiap tahun kewangan akan dikreditkan ke akaun bank pemilik sijil terkini mengikut maklumat dalam rekod kami. Sekiranya butiran akaun bank pemilik sijil tidak diberikan kepada kami, amaun tersebut akan didermakan kepada pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh jawatankuasa Syariah kami.

25. Notis tuntutan

- 25.1 Pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil mestilah memberi notis bertulis mengenai tuntutan kepada kami di ibu pejabat kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.

26. Bukti tuntutan

- 26.1 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan kepada kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh pemberian notis tuntutan kepada kami, atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil sah anda.
- 26.2 Kami berhak untuk meminta sebarang dokumen tambahan lain sekiranya perlu untuk menyokong tuntutan.

- 26.3 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalani pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa yang berkeelayakan dari segi undang-undang dan yang kami lantikkan, atas perbelanjaan kami, untuk menyokong tuntutan.

27. Cukai

- 27.1 Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil takaful akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma kontrak induk ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

28. Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA)

- 28.1 Sekiranya pemilik sijil mempunyai indicia Amerika Syarikat dan bersetuju memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan yang mungkin kami perlukan dari semasa ke semasa untuk membolehkan kami mematuhi Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat (FATCA). Permintaan ini termasuk tetapi tidak terhad sebarang laporan kepada U.S Internal Revenue Service (Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri Amerika Syarikat) mengenai maklumat berkaitan dengan orang yang dilindungi atau waris yang berkaitan dengan sijil takaful. Sekiranya pemilik sijil gagal memberikan maklumat, kebenaran dan/atau bantuan seperti yang dinyatakan di atas, kami berhak untuk mengambil tindakan yang sepatutnya untuk mematuhi FATCA, yang mana mungkin termasuk menyerahkan laporan yang sepatutnya, menggantung sijil takaful pemilik sijil, menahan wang yang perlu dikirimkan, menamatkan sijil takaful dan memulangkan nilai tunai (jika ada) tolak sebarang keterhutangan tanpa faedah sekiranya penamatan tersebut berlaku.
- 28.2 Untuk tujuan kontrak induk ini, takrifan indicia Amerika Syarikat adalah seperti yang dinyatakan oleh U.S Internal Revenue Service (IRS) melalui laman web mereka di www.irs.gov, atau apa-apa semakan mengenai takrifan selepas itu oleh IRS.

29. Pengecualian Sekatan

- 29.1 Sekiranya kami menyedari bahawa anda, orang yang dilindungi, atau mana-mana orang yang dinamakan dalam sijil takaful telah tertakluk kepada sebarang undang-undang dan/atau peraturan (termasuk tetapi tidak terhad kepada Resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSCR) dan sekatan senarai domestik perdagangan atau ekonomi) yang ditadbir oleh mana-mana pihak berkuasa yang mengawalselia atau agensi penguatkuasaan undang-undang di mana-mana negara yang melarang kami daripada memberikan perlindungan takaful atau manfaat-manfaat, anda, orang yang dilindungi, mana-mana orang yang dinamakan dalam sijil takaful dan/atau mana-mana orang yang berlayak untuk menerima manfaat di bawah sijil takaful bersetuju bahawa kami boleh menangguhkan, menamatkan atau membatalkan perlindungan takaful di bawah sijil takaful dan menghentikan semua transaksi dengan anda, orang yang dilindungi, atau mana-mana orang yang dinamakan berkaitan dengan sijil takaful tersebut. Dalam sebarang keadaan-keadaan ini, kami tidak akan dianggap memberikan perlindungan dan/atau bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan, manfaat dan pembayaran balik yang lain termasuk penerimaan bayaran sumbangan di bawah sijil takaful atau cadangan yang dikemukakan, yang mana berkenaan.

30. Duti setem

- 30.1 Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung oleh kami.

LAMPIRAN BSIR003

Peruntukan manfaat – Manfaat kematian

1. Manfaat kematian

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am kontrak induk ini dan sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang dilindungi dan meluluskan tuntutan tersebut, kami akan membayar yang mana lebih tinggi:
 - (a) jumlah yang dilindungi yang bekurangan untuk manfaat kematian asas pada tarikh kematian; atau
 - (b) nilai akaun peserta asas sejurus selepas tarikh kematian.
- 1.2 Manfaat kematian asas akan dibayar daripada akaun peserta asas (jika ada) dan, baki manfaat kematian asas selepas ditolak nilai akaun peserta asas yang telah dibayar, akan dibayar daripada dana tabarru' peserta.
- 1.3 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil berhutang kepada kami daripada manfaat ini.
- 1.4 Sijil takaful akan ditamatkan apabila berlaku pembayaran manfaat ini.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Kami hanya akan membayar balik nilai akaun peserta asas (jika ada) pada tarikh kematian, dan sijil takaful akan ditamatkan dalam keadaan berikut:
 - (a) Jika orang yang dilindungi meninggal dunia disebabkan bunuh diri (semasa waras atau tidak waras) dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil; atau
 - (b) Jika orang yang dilindungi meninggal dunia akibat keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil.

3. Prosedur tuntutan

- 3.1 Bukti kematian yang memuaskan perlu dikemukakan kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas tarikh kematian. Kegagalan untuk memberi notis di dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan menyebabkan tuntutan tersebut menjadi tidak sah jika ia dapat ditunjukkan bahawa secara munasabahnyanya tidak mungkin untuk memberikan notis tersebut dan bahawa notis tersebut telah diberikan dengan secepat mungkin dalam masa yang munasabah.
- 3.2 Kami akan menyediakan borang tuntutan yang sewajarnya kepada penuntut semasa pemberitahuan tuntutan. Kami juga memerlukan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan untuk menilai tuntutan dengan secepat mungkin.
- 3.3 Kami hanya akan menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang diperlukan.

4. Penamatan perlindungan

4.1 Manfaat kematian akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana keadaan yang berikut:

- (a) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat kematian;
- (b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat TPD asas, jika ia adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi bagi manfaat kematian asas. Sekiranya manfaat TPD asas yang perlu dibayar adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian asas, sijil tidak akan ditamatkan dan perlindungan takaful untuk manfaat kematian asas akan diteruskan;
- (c) Pada tarikh manfaat tamat seperti yang tertera di dalam sijil takaful;
- (d) Apabila sijil takaful diserahkan;
- (e) Apabila sijil takaful dibatalkan; atau
- (f) Apabila kemudahan pembiayaan ditamatkan atau apabila pemilik sijil bukan lagi pelanggan kepada pemegang kontrak induk sebelum tamat tempoh sijil atas sebarang sebab.

Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan (f) berlaku, hanya pemilik sijil mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan takaful sehingga akhir tempoh sijil yang dinyatakan pada sijil takaful dengan notis bertulis kepada kami.

LAMPIRAN BSIR004

Peruntukan manfaat – Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

1. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)

- 1.1 Manfaat ini hanya berkenaan jika orang yang dilindungi mengalami TPD sebagaimana yang ditakrifkan di bawah lampiran BSIR002, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa, dan TPD bermula pada atau selepas tarikh permulaan sijil.
- 1.2 Tertakluk kepada peruntukan am kontrak induk ini, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa dan sebelum tarikh ulang tahun bulanan sejurus selepas orang yang dilindungi mencapai umur 70 tahun, sekiranya kami menerima bukti yang memuktamad bahawa orang yang dilindungi telah mengalami TPD dan meluluskan tuntutan tersebut, kami akan membayar yang mana lebih tinggi:
 - (a) jumlah yang dilindungi untuk manfaat TPD asas pada tarikh TPD bermula; atau
 - (b) nilai akaun peserta asas pada tarikh TPD bermula.
- 1.3 Manfaat TPD asas akan dibayar daripada akaun peserta asas (jika ada) dan, baki manfaat TPD asas selepas ditolak nilai akaun peserta asas yang telah dibayar, akan dibayar daripada dana tabarru' peserta.
- 1.4 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil berhutang kepada kami daripada manfaat ini.
- 1.5 Jika jumlah yang dilindungi untuk manfaat TPD asas adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian asas, pada tarikh TPD bermula, manfaat TPD asas yang dibayar akan terhad kepada jumlah yang dilindungi untuk manfaat TPD asas.
- 1.6 Jumlah agregat maksimum untuk manfaat TPD yang akan dibayar ke atas setiap orang yang dilindungi di bawah sijil takaful ini dan semua kontrak atau sijil individu dan berkelompok yang lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM8,000,000.
- 1.7 Jika jumlah manfaat yang akan dibayar untuk manfaat TPD asas adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian asas pada tarikh TPD bermula, perlindungan takaful untuk manfaat kematian asas akan diteruskan. Jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian akan dikurangkan selaras dengan nisbah jumlah manfaat yang akan dibayar untuk manfaat TPD asas kepada jumlah manfaat yang akan dibayar untuk manfaat kematian asas pada tarikh TPD bermula. Pengurangan perlindungan takaful akan berkuatkuasa dari tarikh tuntutan TPD diluluskan.
- 1.8 Jika orang yang dilindungi meninggal dunia sebelum manfaat TPD asas dibayar, manfaat kematian asas akan dibayar selepas kami telah menerima dokumen yang lengkap, dan manfaat TPD asas tidak akan dibayar. Sijil takaful seterusnya akan ditamatkan.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Tiada manfaat TPD akan dibayar jika TPD orang yang dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:
 - (a) Keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan pertama dari tarikh permulaan sijil;

- (b) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan AIDS, atau orang yang dilindungi dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);
- (c) Berada di bawah pengaruh dadah atau sebarang narkotik atau disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan yang memabukkan;
- (d) Perbuatan jenayah, terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak tidak bersalah) atau cubaan melanggar undang-undang oleh orang yang dilindungi, penentangan terhadap penahanan atau menjadi ahli organisasi haram;
- (e) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan sebarang peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang dilindungi itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersil yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
- (f) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi atau aktiviti yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjun lalabah, memanjat batu, mendaki gunung, aktiviti di dalam air, atau sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki;
- (g) Kecederaan ke atas diri sendiri atau bunuh diri, semasa waras atau tidak waras; atau
- (h) Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa.

3. Prosedur tuntutan

- 3.1 Pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil perlu menghantar notis bertulis kepada kami dalam tempoh 30 hari untuk membuat tuntutan bagi manfaat TPD selepas tarikh ketidakupayaan tersebut.
- 3.2 Bukti TPD yang memuaskan perlu diberikan sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil.
- 3.3 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan berturut-turut.
- 3.4 Kami berhak untuk meminta orang yang dilindungi untuk menjalankan pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa berkelayakan dari segi undang-undang yang kami lantik atas perbelanjaan kami untuk menyokong tuntutan TPD.

4. Penamatan perlindungan

- 4.1 Manfaat TPD asas akan tamat apabila berlaku mana-mana kejadian berikut:
 - (a) Apabila orang yang dilindungi meninggal dunia;
 - (b) Pada tarikh kami meluluskan dan membayar manfaat ini, jika ia adalah bersamaan dengan jumlah yang dilindungi bagi manfaat kematian asas. Sekiranya manfaat TPD asas yang

perlu dibayar adalah kurang daripada jumlah yang dilindungi untuk manfaat kematian asas, sijil takaful ini tidak akan ditamatkan dan perlindungan untuk manfaat kematian asas akan diteruskan;

- (c) Pada tarikh manfaat tamat seperti yang tertera di dalam sijil takaful;
- (d) Apabila sijil takaful diserahkan;
- (e) Apabila sijil takaful dibatalkan;
- (f) Pada ulang tahun bulanan sijil sejurus selepas orang yang dilindungi mencapai umur 70 tahun; atau
- (g) Apabila kemudahan pembiayaan ditamatkan atau apabila pemilik sijil bukan lagi pelanggan kepada pemegang kontrak induk sebelum tamat tempoh sijil atas sebarang sebab.

Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan (g) berlaku, hanya pemilik sijil mempunyai pilihan untuk meneruskan perlindungan takaful sehingga akhir tempoh sijil yang dinyatakan pada sijil takaful dengan notis bertulis kepada kami.

LAMPIRAN BSIR005

Peruntukan manfaat – Manfaat terakhir

1. Manfaat terakhir

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am kontrak induk ini, sewaktu sijil takaful berkuatkuasa pada tarikh tamat seperti yang tertera dalam jadual sijil, kami akan membayar nilai akaun peserta asas (jika ada) kepada pemilik sijil pada tarikh manfaat tamat seperti yang tertera di dalam jadual sijil.
- 1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil berhutang kepada kami daripada manfaat ini.
- 1.3 Sijil takaful akan tamat sebaik sahaja pembayaran manfaat ini.

LAMPIRAN BSIR006

Lampiran – Jadual yuran wakalah, caj, perkongsian sebarang lebihan dan formula

1. Yuran wakalah

- 1.1 Sila rujuk kepada sijil takaful.

2. Perkongsian lebihan daripada dana tabarru' peserta

- 2.1 Sebarang lebihan yang boleh diagihkan daripada dana tabarru' peserta selepas pembayaran balik Qard (jika ada) pada akhir tahun kewangan akan diagihkan setiap tahun dan dikongsi seperti berikut:

Kami (sebagai insentif)	-	50% daripada lebihan
-------------------------	---	----------------------

Semua pemilik sijil yang layak (dibayar ke akaun peserta)	-	50% daripada lebihan
---	---	----------------------

- 2.2 Pemilik sijil layak untuk pengagihan lebihan, jika ada, dengan syarat sijil takaful tidak luput dan tidak diserahkan sebelum akhir tahun kewangan. Sekiranya pemilik sijil layak untuk pengagihan lebihan tetapi sijil takaful ditamatkan di bawah klausa 21 dalam lampiran BSIR002 pada tarikh pengagihan lebihan, maka ia akan tertakluk kepada klausa 19 di bawah lampiran BSIR002.

3. Perkongsian keuntungan pelaburan daripada akaun peserta

- 3.1 Kami akan berkongsi sebarang keuntungan pelaburan akaun peserta seperti berikut:

Kami	-	10% daripada keuntungan pelaburan
------	---	-----------------------------------

Pemilik sijil (dibayar ke akaun peserta)	-	90% daripada keuntungan pelaburan
--	---	-----------------------------------

- 3.2 Pemilik sijil layak untuk pengagihan keuntungan pelaburan, jika ada, dengan syarat sijil takaful tidak luput dan tidak diserahkan sebelum akhir tahun kewangan. Sekiranya pemilik sijil layak untuk pengagihan keuntungan pelaburan tetapi sijil takaful ditamatkan di bawah klausa 21 dalam lampiran BSIR002 pada tarikh pengagihan keuntungan, maka ia akan tertakluk kepada klausa 19 di bawah lampiran BSIR002.

4. Tabarru'

- 4.1 Kami akan mengambil tabarru' bulanan daripada akaun peserta dan memindahkan amaun ini ke dalam dana tabarru' peserta. Kadar untuk potongan tabarru' ini bergantung kepada:

- a) umur pada hari lahir terakhir (pada ulangtahun bulanan) orang yang dilindungi;
- b) risiko pekerjaan;
- c) risiko kesihatan;
- d) jantina mereka; dan
- e) kategori pengunderaitan.

- 4.2 Kami akan mengambil potongan tabarru' untuk setiap manfaat takaful dengan mendarabkan kadar tabarru' yang berkuatkuasa bagi jumlah berisiko yang berkenaan.

- 4.3 Potongan tabarru' pertama perlu dibayar pada tarikh permulaan dan sebarang potongan seterusnya perlu dibayar pada ulangtahun bulanan yang berikutnya. Potongan tabarru' pertama adalah berdasarkan jumlah hari dari tarikh permulaan hingga ulangtahun bulanan berikutnya.
- 4.4 Kami berhak untuk menyemak semula kadar tabarru' pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari kepada anda. Sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis.
- 4.5 Formula tabarru'
- a) $\text{Tabarru' (kematian)} = \text{kadar tabarru' (kematian)} \times \text{jumlah berisiko untuk manfaat kematian}$
 - b) $\text{Tabarru' (TPD)} = \text{kadar tabarru' (TPD)} \times \text{jumlah berisiko untuk manfaat TPD}$

5. Formula sumbangan

- 5.1 $\text{Sumbangan tunggal} = \text{jumlah yang dilindungi} \times \text{kadar sumbangan} / 1,000$

LAMPIRAN BSIR009

Lampiran – Formula jumlah yang dilindungi yang berkurangan

Jumlah yang dilindungi yang berkurangan (RSC) ini dikira berdasarkan formula yang berikut:

$$\begin{aligned}RSC_t &= ISC && \text{for } t = 0 \\RSC_t &= \frac{1-v^{(12 \times n)-(t-1)}}{1-v^{12 \times n}} \times ISC && \text{for } i > 0; \text{ and} \\&&& \text{for } t = 1, 2, \dots, 12 \times n\end{aligned}$$

yang mana,

ISC = jumlah permulaan yang dilindungi

$$v = \frac{1}{1+\frac{i}{12}}$$

i = Kadar keuntungan pembiayaan

n = Tempoh pembayaran balik pembiayaan/tempoh sijil

t = Tempoh dalam bulan – berkira dari tarikh permulaan sijil